

23 APR 1996

Batu

ISU BATU TIMBULKAN KEMARAHAAN PEGAWAI MALAYSIA

Oleh: Rachman Nordin

HANOI, 23 April 23 (Bernama) -- Sebutir batu, sebesar kepala manusia tetapi secara rasmi diisytiharkan tidak mempunyai nilai hakiki, menjadi punca memalu dan mencetuskan kemarahan para diplomat Malaysia dan lain-lain pegawai di sini sejak sebulan lepas.

Ini berpunca daripada kebingungan birokrasi tempatan yang terpaksa ditempuh dalam usaha membawa pulang batu berkenaan ke Malaysia disebabkan ia dicadang untuk digunakan sebagai tanda memperingati berakhirnya lawatan kerja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke sini bulan lepas.

Batu itu penting kerana ia direkabentuk sebagai asas batu peringatan bagi menandakan perasmian pejabat wakil Petronas di sini oleh Perdana Menteri awal Mac.

Hari ini para diplomat Malaysia dan kakitangan tempatan kedutaan meneruskan usaha mengusung batu berkenaan ke satu lagi kementerian kerajaan Vietnam bagi mendapatkan kebenaran membawa pulang batu itu ke Malaysia sebagai sebahagian daripada batu peringatan itu.

Para diplomat Malaysia berkata mereka setakat ini sudah membawa batu itu ke Bank Negara Vietnam, Kementerian Perusahaan Berat, Kementerian Kebudayaan dan Penerangan dan Kementerian Dalam Negeri, tidak ketinggalan pihak-pihak berkuasa lain untuk pemeriksaan.

Menurut diplomat itu, Bank Negara Vietnam dan Kementerian Perusahaan Berat telahpun secara rasmi mengisytiharkan batu itu tidak mempunyai nilai hakiki, tetapi menasihatkan mereka agar membawa batu berkenaan ke kementerian-kementerian lain bagi mendapatkan pandangan kedua.

"Kami beranggapan bahawa kesemua pihak berkuasa yang sudah memeriksa batu itu tidak mahu bertanggungjawab mengatakan batu itu boleh dibawa balik ke Malaysia," ujar seorang diplomat yang diberi "tugas berat" menguruskan usaha membawa pulang batu itu.

Satu senarai barang-barang import dan eksport yang dibenarkan kerajaan Vietnam pada Januari tahun ini, antara lain, mengharamkan eksport senjata, antik, barangan kayu, bunga dan tumbuhan yang ganjil di samping barangan tentera dan dadah. -- Bernama

RN ZAB